a

PER PATHMASINGAM MAVILAGANAN, EX P PUBLIC BANK BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
LOW HOP BING H
[KEBANKRAPAN NO: 29-2529-95]
b 10 NOVEMBER 1999

KEBANKRAPAN: *Perintah pelepasan - Perintah pelepasan tanpa bersyarat - Samada patut diketepikan - Seksyen 33(6)(d) Akta Kebankrapan 1967 - Kekurangan aset untuk memenuhi liabiliti - Samada terpakai - Samada*
c *sibankrap tidak mempunyai aset yang melebihi 50% tanggungan - Akta Kebankrapan 1967, ss. 33(3), 33(4)(a)-(d), 33(6)(d) & (m), 33(10)*

Ini adalah rayuan pemiutang penghakiman terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang memberi perintah melepaskan sibankrap tanpa bersyarat di bawah s. 33 Akta Kebankrapan 1967 ('Akta'). Fakta
d menunjukkan bahawa sibankrap mempunyai liabiliti sebanyak RM404,526 dan masih terhutang kepada pemiutang penghakiman sebanyak RM317,014.35. Sibankrap bekerja sebagai seorang perunding dan berpendapatan sebanyak RM2000 sebulan dan tinggal di rumah milik isterinya, sementara isteri beliau pula berpendapatan RM3,000 sebulan.
e Fakta juga menunjukkan bahawa permohonan sibankrap untuk pelepasan disokong oleh Pegawai Pemegang Harta dan laporan Pegawai Pemegang Harta menunjukkan bahawa satu dividen sebanyak 31.27% akan dibayar kepada pemiutang-pemiutang. Di hadapan yang arif hakim, isu yang timbul ialah samada pelepasan tanpa bersyarat patut diberi mengambilkira
f halkeadaan yang wujud dan peruntukan s. 33 Akta.

Diputuskan:

[1] Berdasarkan s. 33(4) Akta mahkamah hendaklah menolak pelepasan atau menggantung operasi sesuatu perintah melainkan suatu dividen yang
g merupakan 50% telah dibayar kepada pemiutang. Juga, berdasarkan s. 33(4), sekiranya mahkamah berpendapat bahawa salah satu dari fakta-fakta yang ternyata dalam s. 33(6) terpakai, maka mahkamah harus memberi perintah-perintah sepertimana ternyata dalam s. 33(4) (a) – (d).

h **[2]** Seksyen 33(6)(d) Akta terpakai dalam kes ini kerana sibankrap telah menyebabkan hutang dan liabiliti yang banyak iaitu sejumlah RM404,526 berbanding aset sebanyak RM165,001 sahaja untuk membayar balik hutang dan liabiliti tersebut. Adalah nyata dari laporan Pegawai Pemegang Harta bahawa aset yang dimiliki oleh sibankrap tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang dan liabiliti dalam tahap 50%.

i

[3] Sibankrap mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM2,000 dan tinggal dirumah milik isterinya yang mempunyai pendapatan sendiri sebanyak RM3,000 sebulan. Fakta juga menunjukkan bahawa sibankrap hanya membuat bayaran sebanyak RM11,700 sebelum pendengaran permohonannya dan masih tidak membayar ansurannya selama setengah tahun. Oleh yang demikian, mengambilkira polisi awam, serta hakikat bahawa perayu telah membuktikan fakta-fakta dalam s. 33(6)(d) dan (m) Akta, sibankrap tidak seharusnya dilepaskan tanpa bersyarat.

[Rayuan dibenarkan; perintah pelepasan diketepikan.]

Kes yang dirujuk:
Re Ang Ah Kang [1994] 2 CLJ 738 ***(dirujuk)***
Re Lau Kah Lay & Tang Kuong Tiew, ex p Cold Storage (Malaysia) Bhd [1998] 2 AMR 1347 ***(dirujuk)***
Re Stern (A Bankrupt), ex p Keyser Ullmann Ltd & Ors v. The Bankrupt & Ors [1982] 2 All ER 600 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 33(3), (4)(a)-(d), (6)(d), (m), (10)

Bagi pihak perayu - Joanne Loke Su Mei; M/s Soo Thien Ming & Nashrah
Bagi pihak responden - Annie Maria; M/s Ramamoorthy Ledchumiah & Co
Bagi pihak Pegawai Pemegang Harta - AV Nadeson

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Low Hop Bing H:

Latar Belakang

Pada 24 Mac 1998, Public Bank Berhad, Pemiutang Penghakiman, (perayu) telah menerima suatu notis kepada pemiutang-pemiutang mengenai permintaan pelepasan bertarikh 5 Mac 1998 daripada pegawai pemegang harta Selangor.

Perayu telah pada 26 Mac 1998 melalui peguamcaranya memfailkan notis niat pemiutang untuk menentang permohonan sibankrap meminta lepas yang bertarikh 25 Mac 1998 (Kandungan (35)).

Permohonan sibankrap untuk pelepasan (Kandungan (33)) (kemudian ini dirujuk sebagai "permohonan tersebut") telah ditetapkan untuk pendengaran pada 1 April 1998.

Pada 1 April 1998, pendengaran permohonan telah tersebut ditangguhkan atas beberapa alasan, diantaranya, bahawa kesemua hutang sibankrap tidak dapat dipastikan dengan terperinci dan pegawai pemegang harta memerlukan masa untuk menyediakan satu laporan dibawah s. 33(3) Akta Kebankrapan 1967.

Pendengaran permohonan tersebut telah ditangguhkan beberapa kali sehingga 4 Februari 1999 dimana laporan pegawai pemegang harta bertarikh 15 Januari 1999 (Kandungan (38A)) telah siap disediakan (kemudian dari ini dirujuk sebagai "laporan pertama tersebut") dan Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana telah meneruskan dengan pendengaran permohonan tersebut.

Pada pendengaran permohonan tersebut, pegawai pemegang harta telah memberitahu mahkamah bahawa satu dividen sebanyak 31.33% akan dibayar kepada pemiutang-pemiutang, bukannya 28.43%, sepertimana dinyatakan dalam laporan pertama tersebut.

Pegawai pemegang harta telah menyatakan bahawa semenjak pemfailan laporan pertama tersebut, sibankrap telah membayar ansuran tertunggak dan oleh yang demikian kelakuannya sekarang adalah memuaskan, walaupun perkara ini tidak dinyatakan dalam laporan pertama tersebut.

Walau bagaimanapun, berdasarkan fakta-fakta yang terkandung dalam laporan pertama tersebut dan memandangkan jumlah yang besar masih dihutang, perayu telah memohon supaya mahkamah menggunakan bidangkuasa yang sedia ada dalam Akta Kebankrapan 1967 dan memerintah satu pelepasan bersyarat iaitu memasukkan penghakiman untuk jumlah yang masih tertunggak, tetapi Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana telah memberi perintah melepaskan sibankrap tanpa bersyarat. Terhadap keputusan ini, perayu telah memfailkan satu notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 5 Februari 1999 (Kandungan (40)).

Hujah Perayu

Fakta-fakta yang relevan yang dikemukakan oleh peguam yang bijaksana bagi pihak perayu adalah seperti berikut:

Sibankrap asalnya mempunyai liabiliti atau hutang sebanyak RM404,526 dan masih berhutang kepada pemiutang penghakiman sejumlah RM317,014.35.

Sibankrap masih bekerja sebagai perunding kepada Bank of Micronesia, Republic of Palau.

Pendapatan bulanan sibankrap adalah sebanyak RM2,000.

Isteri sibankrap bekerja sebagai Pegawai Penaksir di Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pendapatan bulanan isterinya adalah sebanyak RM3,000.

Keluarga sibankrap tinggal di rumah milik isterinya.

Hujah Responden

Peguam yang bijaksana bagi responden berhujah bahawa dividen sebanyak 31.27% yang akan dibayar adalah tinggi. Beliau mengatakan bahawa pegawai pemegang harta menyokong permohonan sibankrap dan sibankrap tidak melanggar peruntukan Akta Kebankrapan 1967.

Keputusan Mahkamah

Kuasa dan budibicara mahkamah dalam satu pendengaran untuk pelepasan dari kebankrapan adalah terkandung dalam s. 33 Akta Kebankrapan 1967 terutama sub-s. (3), (4) dan (10).

Seksyen 33(3) memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah mempertimbangkan lapuran pegawai pemegang harta. Dalam bahasa asal, s. 3(3) berbunyi seperti berikut:

> **S. 33(3)** On the hearing of the application the court shall take into consideration a report of the Official Assignee as to the bankrupt's conduct and affairs, including a report as to the bankrupt's conduct during the proceedings under his bankruptcy, and may either grant or refuse an absolute order of discharge, or suspend the operation of the order for a specified time, or grant an order of discharge subject to any conditions with respect to any earnings or income which may afterwards become due to the bankrupt, or with respect to his after acquired property.

Seksyen 33(4) pula memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah menolak pelepasan atau menggantung operasi sesuatu perintah melainkan suatu dividen yang merupakan 50% telah dibayar kepada pemiutang-pemiutang. Secara keseluruhan, s. 33(4) berbunyi seperti berikut:

> **S. 33(4)** In all cases where it is proved to the satisfaction of the court that the bankrupt has committed any offence under this Act or under any written law repealed by this Act or under section 421, 422, 423 or 424 of the Penal Code the court shall unless for special reasons it otherwise determines either refuse the discharge or suspend the operation of the order until a dividend of not less than fifty per centum has been paid to creditors, and on proof of any of the facts mentioned in subsection (6) the court shall either –

(a) refuse the order; or

(b) suspend the operation of the order for a specified time; or

(c) suspend the operation of the order until a dividend of not less than fifty per centum has been paid to the creditors; or

(d) grant an order of discharge subject to such conditions as aforesaid.

The powers of suspending and attaching conditions to a bankrupt's discharge may be exercised concurrently.

Dan s. 33(10) membolehkan mahkamah untuk menghendaki penghutang memasukkan satu penghakiman persetujuan dan memperuntukkan seperti berikut:

S. 33(10) The court may, as one of the conditions referred to in this section, require the bankrupt to consent to judgment being entered against him by the Official Assignee of any balance, or part of the balance, of debts provable under the bankruptcy which is not satisfied at the date of his discharge; but in such case execution shall not be issued on the judgment without leave of the court, which leave may be given on proof that the bankrupt has since his discharge acquired property or income available for payment of his debts.

Berdasarkan kepada s. 33(4), sekiranya mahkamah ini berpendapat bahawa salah satu dari fakta-fakta yang ternyata dalam s. 33(6) terpakai, maka mahkamah ini boleh memberi perintah-perintah sepertimana ternyata dalam s. 33(4)(a)-(d). Peruntukan dibawah s. 33(6) yang terpakai adalah perenggan (d) dan (m) yang berbunyi berikut:

S. 33(6)(d)

(d) that the bankrupt has failed to account satisfactorily for any loss of assets or for any deficiency of assets to meet his liabilities.

Seksyen 33(6)(m)

(m) that the bankrupt's assets are not of a value equal to fifty dollars per centum of the amount of his unsecured liabilities, unless he satisfies the court that the fact that the assets are not of a value equal to fifty ringgit per centum of his unsecured liabilities has arisen from circumstances for or in respect of which he cannot justly be held blameable.

Dalam penghakiman saya, s. 33(6)(d) terpakai kerana sibankrap telah menyebabkan hutang dan liabiliti yang banyak iaitu sejumlah RM404,526 berbanding aset sebanyak RM165,001 sahaja untuk membayar balik hutang dan liabiliti tersebut. Adalah ternyata dari laporan pertama tersebut

dan laporan terpinda pegawai pemegang harta bertarikh 21 Julai 1999 ("laporan kedua tersebut") bahawa aset yang dimiliki oleh sibankrap tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang dan liabilitinya dalam tahap 50%.

Sibankrap asalnya mempunyai liabiliti atau hutang sebanyak RM404,526 dan masih berhutang kepada pemiutang penghakiman sejumlah RM317,014.35 dan dividen hanya sebanyak 31.27% akan dibayar iaitu sejumlah RM123,704.18 berbanding dengan jumlah yang terhutang iaitu sejumlah RM404,526.40. Adalah jelas juga dari pernyataan-pernyataan dalam laporan pertama dan lapuran kedua tersebut bahawa sibankrap tidak mempunyai dan/atau tidak mampu menunjukkan aset-aset yang melebihi 50% tanggungan atau liabilitinya.

Tambahan pula, seperti yang dinyatakan di atas, sibankrap bekerja sebagai seorang perunding dan gaji bulanannya adalah sebanyak RM2,000. Rumah yang keluarganya tinggal adalah dimiliki isterinya dan gaji bulanan isterinya adalah sebanyak RM3,000. Oleh yang demikian, saya berpendapat sibankrap tidak seharusnya dilepaskan tanpa bersyarat.

Sibankrap sehingga permohonan untuk perlepasan difailkan, tidak membuat bayaran ansurannya dan hanya membuat bayaran sebanyak RM11,700 sebelum pendengaran permohonannya (Kandungan (33)). Adalah jelas bahawa sibankrap masih tidak membayar ansurannya selama lebih kurang setengah tahun. Adalah relevan untuk mahkamah ini mempertimbangkan tingkahlaku sibankrap dengan berdasarkan kepada polisi awam (public policy): *Re Lau Kah Lay And Tang Kuong Tiew Ex parte Cold Storage (Malaysia) Berhad* [1998] 2 AMR 1347; *Re Stern (A Bankrupt), Ex parte Keyser Ullmann Ltd & Others v. The Bankrupt & Others* [1982] 2 All ER 600 dan *Re Ang Ah Kang* [1994] 2 CLJ 738.

Perayu telah membuktikan fakta dalam s. 33(6)(d) dan (m) dan oleh itu, perintah pelepasan tidak harus dibuat. Oleh itu, saya benarkan rayuan ini dan ketepikan perintah pelepasan yang dibuat oleh Penolong Kanan Pendaftar yang bijaksana dan berdasarkan kepada s. 33(10), saya memasukkan penghakiman untuk jumlah yang masih dihutang iaitu RM317,014.35 dengan kos.